

07 SEP, 2022

FAMA, PayNet jalin kerjasama strategik pendigitalan

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 1 of 2

FAMA, PayNet jalin kerjasama strategik pendigitalan

PETALING JAYA: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menjalin kerjasama strategik pendigitalan pembayaran dengan Payments Network Malaysia Sdn. Bhd. (PayNet) dalam usaha memberi pelbagai manfaat kepada usahawan.

Menurut FAMA, kerjasama itu untuk mentransformasi usahawan-usahawan naungan FAMA ke arah pembayaran secara digital atau tanpa tunai dengan memberikan fokus terhadap Agrobazaar Kedai Rakyat, usahawan Industri Makanan & Asas Tani (IMAT), Agrobazaar Kshopee, dan Agrobazaar R&R di seluruh negara.

"FAMA menyasarkan seramai hampir 4,700 usahawan bimbingan di seluruh negara bakal menikmati kemudahan e-pembayaran ini.

"Di samping kemudahan kepada pengguna baru e-pembayaran, insentif dipanjangkan kepada para peniaga FAMA yang telah mendaftar untuk menerima kaedah pembayaran menggunakan kad ATM MyDebit atau DuitNow QR bagi menggalakkan penggunaan kemudahan e-pembayaran tersebut," katanya dalam kenyataan.

Mengulas kerjasama itu, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) FAMA, Abdul Rashid Bahri berkata, seiring dengan perkembangan teknologi dan perkembangan luang pasaran, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) juga telah mewujudkan portal Agroba-



FIRDAUS Ghani (kiri) dan Abdul Rashid Bahri bertukar dokumen kerjasama strategik pendigitalan di Kuala Lumpur, kelmarin.

zaar Online (ABO) iaitu sebuah platform e-dagang pemasaran maya produk pertanian dan agro-makanan yang menemui pengeluar, pengilang, pembekal dan pengguna.

Jelas beliau, portal itu diruruskannya sepenuhnya oleh FAMA.

"Sehingga Ogos 2022, seramai 7,910 usahawan dan 20,570 SKU produk telah didaftarkan

dengan nilai transaksi terkumpul sebanyak RM9.6 juta," katanya.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Libat Urus PayNet, Firdaus Ghani berkata, bagi mendukung aspirasi pendigitalan itu, PayNet sebagai rakan strategik FAMA akan bertindak sebagai pemudah cara migrasi para usahawan FAMA kepada e-Pembayaran.



07 SEP, 2022

FAMA, PayNet jalin kerjasama strategik pendigitalan

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

PETALING JAYA: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menjalin kerjasama strategik pendigitalan pembayaran dengan Payments Network Malaysia Sdn. Bhd. (PayNet) dalam usaha memberi pelbagai manfaat kepada usahawan. Menurut FAMA, kerjasama itu untuk mentransformasi usahawan-usahawan ijaungan FAMA ke arah pembayaran secara digital atau tanpa tunai dengan memberikan fokus terhadap Agrobazaar Kedai Rakyat, usahawan Industri Makanan & Asas Tani (IMAT), Agrobazaar Kshopee, dan Agrobazaar R&R di seluruh negara.